

Prinsip globalisasi Malaysia

BH 21 SUN 2000
Daripada Manja Ismail

KAHEKAH, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tahap globalisasi di Malaysia mesti sekurang-kurangnya mengikut syarat kerajaan berdasarkan keadaan dan keutamaan.

Perdana Menteri berkata, prinsip asas itu menjadi panduan kepada pendekatan Malaysia dalam menghadapi globalisasi secara umum dan krisis kewangan secara khusus.

"Ia mungkin tidak semudah itu tetapi adalah penting memastikan setiap orang mendapatkan faedah, sama ada pelabur asing atau rakyat Malaysia. Pendekatan berperingkat ini juga penting bagi mengelak kesan buruk dan masalah yang dikaitkan dengan semua idea, prinsip atau proses baru termasuk globalisasi.

"Dalam mengejar globalisasi, kita perlu sentiasa pragmatik dan bertolak ansur, bukannya dogmatik. Ia tidak boleh dilihat sebagai satu matlamat tetapi sebagai cara mencapai matlamat, iaitu kehidupan lebih baik rakyat dan kami

terus bebas daripada penguasaan asing," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika menyampaikan syarahan bertajuk 'Strategi Malaysia menghadapi krisis kewangan, kesan globalisasi terhadap negara membangun' di Auditorium Zaki Shafie, Universiti Kaherah, hari ini.

Dr Mahathir berkata, seperti mana kebebasan mutlak boleh menyebabkan anarki, globalisasi mutlak juga boleh menimbulkan kekacauan seperti berlaku ketika krisis kewangan tidak lama dulu.

"Kita mesti mengelak kezaliman pasaran bebas di mana kuasa tidak lagi datang daripada muncung senapang tetapi daripada buku cek.

"Kami tidak percayakan pandangan kononnya disiplin pasaran tidak mungkin melakukan kesilapan kerana pasaran tidak pernah sempurna serta lebih cenderung bertindak balas secara melampau dan terdedah kepada manipulasi," katanya.

Beliau berkata, negara industri mengambil masa

lebih 100 tahun untuk sampai ke tahap pembangunan sekarang sebelum mereka memilih untuk mengamalkan globalisasi dan liberalisasi.

Oleh itu, katanya, adalah tidak adil untuk mengharap negara membangun melaksanakan liberalisasi

serta berhenti melindungi sempadan mereka serentak dengan negara maju.

Perdana Menteri berkata, krisis kewangan Asia mendedahkan risiko dan cabaran globalisasi ke atas negara memhangun terutama terhadap ekonomi terbuka yang kecil seperti

Malaysia.

Penafian sebelum ini, kini digantikan dengan pengakuan, walaupun agak keberatan, mengenai perlunya masalah ketidakstabilan aliran modal, yang sering dikaitkan dengan kegiatan spekulator mata wang, dana lindung nilai dan pelabur

jangka pendek.

Krisis itu juga, kata Dr Mahathir, menimbulkan tuntutan ke arah pembaharuan terhadap kerangka kewangan antarabangsa, manakala Tabung Matawang Antarabangsa, yang kononnya penjaga sistem kewangan antarabangsa

(IMF) dikritik hebat.

"Soalanjuga timbul mengenai peranan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dalam mencetuskan ketidakstabilan global dengan mendesak negara membangun supaya melaksanakan liberalisasi dengan segera," katanya.